

**MENANGI GANJARAN TUNAI HARIAN (RM50) ATAU MINGGUAN (RM500) APABILA ANDA MEMOHON DAN MELANGSUNGKAN TRANSAKSI DUITNOW QR MENGGUNAKAN APLIKASI HLB BIZBUDDY**

Dikemaskini pada: 12 March 2024

**TEMPOH KEMPEN**

Kempen Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (dirujuk secara kolektif sebagai “**Bank**”) “**Menangi Ganjaran Tunai Harian (Rm50) atau Mingguan (Rm500) Apabila Anda Memohon dan Melangsungkan Transaksi Duitnow QR Menggunakan Aplikasi Hlb Bizbuddy**” (“**Kempen**”) akan berlangsung pada **14 March 2024** dan berakhir pada **10 April 2024**, kedua-dua tarikh merangkumi (“**Tempoh Kempen**”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Yang berikut merupakan terma dan syarat berkenaan Kempen ini (“**T&S**”):

**ELIGIBILITY**

Kempen ini akan berlangsung di Bazaar Ramadhan di daerah-daerah Perak (“**Bazaar Yang Menyertai**”) yang berikut:

- (a) Bazaar Ramadhan Persalam (Daerah Manjung);
- (b) Bazaar Ramadhan Manjung (Daerah Manjung);
- (c) Bazaar Ramadhan Padang Dobi (Daerah Larut, Matang dan Selama);
- (d) Bazaar Ramadhan Kamunting (Daerah Larut, Matang dan Selama); dan
- (e) Bazaar Ramadhan Perkarangan Stadium Perak (Daerah Kinta).

Kempen ini terbuka kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) dalam segmen F&B yang merupakan peniaga e-Pembayaran kali pertama (DuitNow QR) sebelum Tempoh Kempen (“**Pelanggan Yang Layak**”).

Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen.

**CARA PENYERTAAN KEMPEN**

Pelanggan yang Layak **hanya boleh mendapatkan maksimum satu (1) Ganjaran sepanjang Tempoh Kempen.**

Senario untuk Pelanggan Yang Layak dibentangkan di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

Daerah	Bazaar Ramadhan	Tarikh Mula Kempen	Tarikh Akhir Kempen	Cara Penyertaan
Manjung	Bazaar Ramadhan Persalam	14th March 2024	10th April 2024	Ganjaran Mingguan: 15 peniaga teratas dengan transaksi tertinggi (minimum 100 transaksi seminggu) akan memenangi RM500 setiap peniaga
	Bazaar Ramadhan Manjung			
Larut, Matang and Selama	Bazaar Ramadhan Padang Dobi			
	Bazaar Ramadhan Kamunting			
Kinta	Bazaar Ramadhan Perkarangan Stadium Perak	Ganjaran Harian: 20 peniaga teratas dengan transaksi tertinggi (minimum 50 transaksi setiap hari) akan memenangi RM50 setiap peniaga		

\*Pemenang akan diumumkan selepas Tempoh Kempen.

Untuk menyertai Kempen ini dan untuk melayakkan diri untuk Ganjaran, Pelanggan **MESTI memenuhi Kriteria Kelayakan No. 1 dan Kriteria Kelayakan No. 2** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 2** dan **Jadual 3** di bawah semasa Tempoh Kempen:

**Jadual 2**

No	Kriteria Kelayakan	Ganjaran
1.	Buka Akaun Yang Layak dengan Bank	<p align="center"><b>Lima Puluh Ringgit (RM50) akan diberikan kepada 20 peniaga dengan transaksi paling tinggi (Minimum 50 transaksi setiap hari)</b></p> <p align="center">("Ganjaran")</p>
2.	Daftar untuk DuitNowQR dengan HLB BizBuddy di Bazaar Yang Menyertai semasa Tempoh Kempen dan langunkan minimum 50 transaksi jual beli setiap hari.	

**Jadual 3**

No	Kriteria Kelayakan	Ganjaran
1.	Buka Akaun Yang Layak dengan Bank	<b>Lima Ratus Ringgit (RM500) akan diberikan kepada 15 peniaga dengan transaksi paling tinggi (Minimum 100 transaksi setiap minggu)</b>  <b>(“Ganjaran”)</b>
2.	Daftar untuk DuitNowQR dengan HLB BizBuddy di Bazaar Yang Menyertai semasa Tempoh Kempen dan langsunikan minimum 100 transaksi jual beli setiap minggu	

### **PENEBUSAN KEMPEN**

Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/Akaun Simpanan Pelanggan Layak yang dibuka dengan HLB (“CASA”) atau Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Semasa yang dibuka dengan HLISB (selepas ini dirujuk sebagai “Akaun Yang Layak”) dalam masa 3 bulan selepas tempoh kempen

11. Untuk mengelakkan keraguan, dalam proses menerima Ganjaran, Akaun Pelanggan Yang Layak **MESTI** kekal sah/aktif dan dalam kedudukan yang baik sebelum Tarikh Pengkreditan dan Pelanggan Yang Layak tidak boleh melanggar mana-mana T&S Kempen ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma & Syarat yang terpakai untuk Akaun Yang Layak, Terma & Syarat Kad Debit/Kad Debit-i dan Terma & Syarat untuk Penggunaan HLB Connect (secara kolektif “**Terma dan Syarat Terpakai**”), jika gagal, Pelanggan Yang Layak akan hilang kelayakan secara automatik daripada Kempen ini

12. Rekod pengkreditan Ganjaran akan ditunjukkan dalam e-penyata bulanan Akaun Pelanggan Yang Layak.

### **UMUM**

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak:

- (a) mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Terpakai;
- (b) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah tepat, muktamad, konklusif dan meliputi semua Pelanggan yang Layak;
- (c) bersetuju untuk melawat [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan/atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“**Laman Web Bank**”) secara berkala untuk melihat Terma & Syarat Kempen dan memastikan Pelanggan Yang Layak sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
- (d) bersetuju bahawa Ganjaran tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat barangan; dan
- (e) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen..

14. Bank berhak:

- (a) dengan notis awal kepada Pelanggan Yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang disenaraikan di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen, dengan cara pengumuman dan penyiaran tentang tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini di Laman Web Bank;
- (b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang:
  - (i) pada masa lalu, telah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) sedang menghadapi prosiding kebangkrapan, atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Terpakai pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
- (c) untuk membatalkan dan mengambil kembali mana-mana Ganjaran yang dibayar dan mengembalikannya ke dalam peruntukan dana terkumpul sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Kempen ini.

15. Tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan digunakan untuk mengatasi percanggahan tersebut.

16. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang ditetapkan di sini dan apa-apa pengiklanan, promosi, barangan publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Bank akan diguna pakai.

17. Terma & Syarat Kempen ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia

18. Perkataan yang menggambarkan satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang menggambarkan maksud tunggal merangkumi maksud jamak dan sebaliknya.

**Produk Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

**Ahli PIDM. Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).**

Jika anda ada sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di [qrbizbuddy@hlbb.hongleong.com.my](mailto:qrbizbuddy@hlbb.hongleong.com.my).